

SOALAN LAZIM
IBUBAPA SIMPAN, GENERASI HARAPAN

1. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan kempen **Ibubapa Simpan, Generasi Harapan**?

Jawapan:

Kempen **Ibubapa Simpan, Generasi Harapan** merupakan wadah inspirasi yang dirancang khas bagi menggalakkan para pendeposit Simpan SSPN berkongsi kisah sebenar mereka dalam usaha menabung demi simpanan anak-anak dengan penekanan pada pengurusan kewangan yang bijak.

2. Soalan:

Bilakah kempen **Ibubapa Simpan, Generasi Harapan** ini akan bermula?

Jawapan:

Kempen ini akan bermula pada **1 Mei 2025** dan berakhir pada **30 Jun 2025**.

3. Soalan:

Siapakah yang **layak** untuk menyertai kempen **Ibubapa Simpan, Generasi Harapan** ini?

Jawapan:

Kempen ini terbuka kepada semua pendeposit Simpan SSPN **KECUALI** kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

4. Soalan:

Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen **Ibubapa Simpan, Generasi Harapan**?

Jawapan:

- i. Peserta hendaklah menghasilkan video testimoni yang kreatif dan menarik dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** mengenai pengalaman sebenar mereka sebagai pendeposit Simpan SSPN dan menerapkan nilai-nilai murni serta kepentingan budaya menabung;
- ii. Durasi video **tidak melebihi 3 minit**;
- iii. Peserta perlu **memuat naik video** ke akaun media sosial masing-masing iaitu Facebook/ Tiktok beserta hashtag rasmi **#IbubapaPerancangSimpanan** dan **#GenerasiHarapanPTPTN** serta memastikan profil akaun media sosial berada dalam **mod public**; dan
- iv. Video perlu dimuat naik **sebelum atau selewat-lewatnya 30 Jun 2025, jam 11:59 malam**.

5. Soalan:

Apakah peraturan tambahan bagi kempen **Ibubapa Simpan, Generasi Harapan**?

Jawapan:

- i. Kandungan video mestilah bersesuaian untuk tontonan semua lapisan umur dan masyarakat;
- ii. Pakaian peserta hendaklah bersesuaian, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata;

- iii. Peralatan yang digunakan dalam kandungan video dan aksi yang mendatangkan risiko keselamatan adalah tidak dibenarkan;
- iv. Kandungan, pilihan lagu atau sebarang audio dan peralatan yang digunakan dalam video **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, menyentuh sensitiviti keagamaan, perkauman dan politik serta melibatkan mana-mana agensi lain; dan
- v. Peserta dibenarkan untuk muat naik lebih daripada satu (1) video, tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah Sahaja.

6. Soalan:

Adakah permohonan perlu dibuat untuk pendeposit menyertai kempen **Ibubapa Simpan, Generasi Harapan**?

Jawapan:

Ya, peserta perlu mengisi borang penyertaan melalui Google Form di pautan: <https://bit.ly/Kempenibubapasimpangenerasiharapan> **selewat-lewatnya 30 Jun 2025, jam 11:59 malam.**

7. Soalan:

Bagaimanakah pemilihan pemenang kempen **Ibubapa Simpan, Generasi Harapan** dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dipilih berdasarkan kombinasi kriteria berikut:

- i. Kualiti video dan audio yang jelas serta penyampaian visual yang menarik;
- ii. Tahap kreativiti idea dan keaslian kisah yang ditampilkan;
- iii. Keupayaan menyampaikan mesej yang memberi inspirasi serta menerapkan nilai-nilai murni;
- iv. Kekemasan dari aspek suntingan dan naratif; dan
- v. Tahap keterlibatan (*engagement*) video di media sosial seperti jumlah tontonan, komen, perkongsian dan reaksi – sebagai nilai tambah kepada penilaian.

8. Soalan:

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk promosi ini?

Jawapan:

Pemenang kempen akan memenangi hadiah seperti berikut:

PEMENANG	HADIAH TUNAI (RM)	BILANGAN PEMENANG
Utama	3,000.00	1
Kedua	2,000.00	1
Ketiga	1,000.00	1
Saguhati	200.00	20

9. Soalan:

Bagaimanakah makluman kepada pemenang **Kempen Ibubapa Simpan, Generasi Harapan** akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel/ media sosial rasmi PTPTN, @PTPTNOfficial atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.

10. Soalan:

Bilakah hadiah tunai akan dikreditkan kepada pemenang?

Jawapan:

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka untuk diri sendiri dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara ***pre-opening***.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh kempen **Ibubapa Simpan, Generasi Harapan**.

Maklumat dikemaskini pada 29 April 2025